

Telekom berminat ambil alih TRI — PM

UM 29 JAN 2002

KUALA LUMPUR 28 Jan. — Telekom Malaysia Bhd. memang berminat untuk mengambil alih Technology Resources Industries Bhd. (TRI), kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, persoalan yang timbul sekarang ialah harganya (untuk pengambilalihan).

“Terpulang kepada mereka untuk memutuskan,” katanya

kepada pemberita selepas melancarkan kempen ‘Sehari Bersama Pelanggan’ Kementerian Kewangan di sini hari ini.

Dr. Mahathir menambah, kerajaan mahu para pengendali dalam industri telekomunikasi bergabung kerana kehadiran lima buah syarikat pengendali perkhidmatan telekomunikasi pada masa ini adalah terlalu banyak.

Jumaat lalu, agensi berita asing *Dow Jones News Wires*

melaporkan Telekom telah membuat percubaan untuk membeli saham-saham utama dalam TRI.

Menafikan

Telekom, dalam satu kenyataan kepada Bursa Saham Kuala Lumpur bagaimanapun menafikan laporan itu.

TRI yang memiliki Celcom (Malaysia) Sdn. Bhd., merupakan pengendali perkhidmatan telefon bergerak kedua terbesar

Malaysia dengan pelanggan seramai 2.13 juta pada akhir 2001.

Telekom pula satu entiti swasta milik kerajaan, adalah syarikat telekomunikasi tertua dan terbesar di negara ini.

Di antara pemilik utama saham TRI yang kini dibebani masalah hutang RM4.2 bilion dan sedang menjalani proses penstrukturan semula ialah Tan Sri Tajudin Ramli dengan

ekuiti 24.3 peratus dan Deutsche Telekom AG dengan 21 peratus.

Sementara itu, jurucakap Telekom ketika dihubungi berkata, pihaknya belum bersedia memberi apa-apa reaksi terhadap perkembangan baru itu.

“Kami masih berpegang dengan pendirian yang dinyatakan dalam jawapan kami kepada BSKL pada Jumaat lalu bahawa tiada hasrat di pihak Telekom untuk berbuat demikian,” katanya.